

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN GOBIND SINGH DEO
[PUCHONG]**

TARIKH : 19 Jun 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada terdapat kekurangan Hakim Mahkamah Tinggi Jenayah di Pulau Pinang dan kenapa Hakim yang mendengar rayuan sesuatu kes daripada mahkamah rendah di peringkat pendengaran kes pendakwaan perlu mendengar rayuan kes yang sama di tahap kes pembelaan.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa kini terdapat lima orang Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi di Mahkamah Tinggi Georgetown, Pulau Pinang. Empat orang daripada Yang Arif Hakim tersebut mendengar dan membicarakan kes-kes sivil manakala seorang Yang Arif Hakim mendengar dan membicarakan kes jenayah. Setakat bulan April 2014, jumlah kes jenayah tertunggak di Mahkamah Tinggi Georgetown ialah sebanyak 160 kes. Manakala purata pendaftaran bulanan kes jenayah di Mahkamah Tinggi Georgetown adalah sebanyak 20 hingga 21 kes sebulan.

2. Jika perbandingan dibuat berdasarkan beban tugas di antara Mahkamah Tinggi Georgetown dengan negeri yang mempunyai beban tugas yang serupa seperti Mahkamah Tinggi Johor Bahru dan Ipoh, penempatan seorang Hakim Jenayah di Mahkamah Tinggi Georgetown masih boleh dianggap wajar dan berkemampuan untuk mengendalikan kes-kes jenayah tersebut secara berseorangan.

3. Ini adalah berdasarkan kajian perbandingan yang dibuat dengan Mahkamah Tinggi Johor Bahru. Sebagai contohnya, terdapat 2 orang Yang Arif Hakim ditempatkan untuk mendengar dan membicarakan kes-kes jenayah. Setakat bulan April 2014 kes jenayah tertunggak di Mahkamah Tinggi Johor Bahru adalah sebanyak 245 kes dengan purata pendaftaran kes jenayah bulanan untuk seorang Yang Arif Hakim di Mahkamah tersebut ialah sebanyak 17 hingga 18 kes.

4. Di Mahkamah Tinggi Ipoh pula, jumlah keseluruhan kes jenayah di Mahkamah tersebut adalah 327 kes dengan didengar oleh seorang Yang Arif Hakim sahaja. Purata pendaftaran sebulan ialah 21 hingga 22 kes.

5. Berdasarkan contoh kajian di atas, Badan Kehakiman berpandangan penempatan seorang Hakim Mahkamah Tinggi di Mahkamah Tinggi Georgetown masih wajar namun begitu tidak menolak kemungkinan mengambil kira penempatan tambahan di tempat-tempat tertentu untuk meningkatkan kecekapan penyelesaian kes di negeri-negeri tersebut.

6. Memandangkan pada masa ini hanya terdapat seorang Yang Arif Hakim yang mendengar kes-kes jenayah di Mahkamah Tinggi Georgetown, maka kesemua rayuan jenayah adalah ditetapkan dihadapan Hakim tersebut.

7. Walaubagaimanapun, jika terdapat penempatan tambahan bilangan Yang Arif Hakim untuk mendengar kes-kes jenayah di Mahkamah Tinggi Georgetown, pembahagian kes-kes rayuan daripada Mahkamah Rendah ke Mahkamah Tinggi adalah tertakluk kepada pembahagian secara pentadbiran berdasarkan nombor pendaftaran kes secara giliran.

Sekian, terima kasih.